

Sumber air bawah tanah perlu diteroka: TPM

➔ Langkah alternatif jamin bekalan negara berkekalan

Oleh **Ziauddin Sharuddin dan Tuty Haryanti Ahmad Rodzi**
bhnews@bh.com.my

Port Dickson

Sumber air bawah tanah negara yang berjumlah tiga trilion meter padu, perlu diterokai sepenuhnya untuk kebaikan negara pada masa hadapan, kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sudah sampai masa untuk negara menerokai kaedah penyimpanan air alternatif bagi jaminan sumber baru air negara.

Beliau berkata, berdasarkan Panduan Industri Air Malaysia 2016, peratusan penggunaan air bawah tanah hanya 1.5 peratus berbanding 82.4 peratus dari sungai dan 16.1 peratus dari empangan.

"Ini menunjukkan sumber air negara sekarang terlalu bergantung kepada air permukaan yang sangat sensitif kepada perubahan cuaca dan iklim," katanya ketika merasmikan Sambutan Hari Air Sedunia 2017 peringkat kebangsaan di Dataran Teluk Kemang di sini, semalam.

Info

➔ **Hari Air Sedunia yang disambut pada 22 Mac setiap tahun** adalah acara tahunan dianjurkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sejak 1993.

➔ **Sambutan bertujuan meningkatkan kesedaran** dan membaharui tekad masyarakat dunia menangani isu berkaitan air melalui pelan strategik dan pelaksanaan tindakan oleh setiap negara di seluruh dunia.



Ahmad Zahid diiringi Wan Junaidi ketika merasmikan Hari Air Sedunia 2017 peringkat kebangsaan di Dataran Teluk Kemang, Port Dickson, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Alami krisis air

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Majlis Pengurusan Sumber Air Negara berkata, kebergantungan kepada sumber air permukaan terbukti

ketika kemarau panjang yang melanda negara pada 2014 dan 2016 yang menyebabkan beberapa negeri mengalami krisis air hingga dan catuan air terpaksa dibuat.

Katanya, keadaan itu juga disebabkan empangan utama mengalami penyusutan kapasiti takungan.

"Ini adalah cabaran besar yang saya perlu tangani, tetapi semua pihak tidak perlu menuding jari di antara satu sama lain. Kerajaan Pusat, kerajaan negeri dan pihak ber-

kuasa air perlu bekerjasama untuk memperbaiki kelemahan sistem pengurusan air sekarang," katanya.

Pada Januari lalu, *BH* menyiarkan laporan khas berkaitan penggunaan air bawah tanah. Mengikut laporan itu, Malaysia tidak sepatutnya berdepan krisis bekalan air kerana memiliki jumlah air bawah tanah yang banyak dan seharusnya digunakan kerajaan dalam usaha menangani masalah bekalan air bersih.

Modenisasi perkhidmatan pembetulan

Sementara itu, Ahmad Zahid berkata perkhidmatan pembetulan negara akan menekankan empat aspek utama bagi memastikan keselamatan industri itu.

Ia membabitkan modenisasi perkhidmatan pembetulan melalui aplikasi teknologi baharu yang lebih mesra alam dan perluasan liputan dan akses di luar bandar, termasuk bandar besar di luar Lembah Klang.

Yang turut diberikan fokus ialah rasionalisasi loji kumbahan kecil dan tidak ekonomik bagi mengurangkan kesan pencemaran efluen kepada alam sekitar serta usaha pengkomersialan 'sisa kepada kekayaan'.



Keratan akhbar BH pada 21 Januari lalu.